

## Rawatan

- Penyakit Katarak hanya boleh dirawat dengan **PEMBEDAHAN**. Pembedahan ini mengambil masa 30 atau 40 minit sahaja.



- Sewaktu pembedahan, kanta asal yang kabur akan dibuang dan digantikan dengan kanta tiruan untuk memulihkan penglihatan pesakit.
- Selain daripada menggunakan kanta tiruan, pesakit juga boleh menggunakan cermin mata atau kanta lekap (contact lens) untuk memulihkan penglihatan.
- Pesakit akan sembuh dalam masa tiga bulan. Dalam tempoh ini, pesakit dinasihat mendapatkan:-
  - Rawatan susulan yang rapi
  - Memakan pengubatan
  - Memakai kaca mata gelap kerana mata masih sensitif pada sinaran matahari.

# KATARAK



**BOLEH  
MENYEBABKAN  
BUTA**



**Katarak** ialah sejenis penyakit mata yang menyebabkan kanta mata berselaput dan rabun. Kanta mata menjadi keruh dan cahaya tidak dapat menembusnya. Keadaan ini menjejaskan penglihatan seseorang dan akan jadi BUTA jika tidak dirawat.

jaskan penglihatan seseorang dan akan jadi BUTA jika tidak dirawat.

## Golongan Risiko

Golongan yang berisiko menghadapi penyakit ini ialah:-

- **Pesakit Kencing Manis yang tidak mengawal penyakitnya.**

Kelebihan gula yang ada dalam darah akan menyebabkan berlakunya Katarak.

- **Orang dewasa yang berusia 60 tahun ke atas**

Katarak merupakan suatu proses akibat perlanjutan usia.

- **Kanak-kanak dan bayi baru lahir dengan komplikasi**

Katarak boleh berlaku jika ibu menghidap infeksi seperti penyakit Rubella semasa mengandung.

## Tanda-Tanda

Antara tanda-tanda penyakit Katarak ialah:-

- Penglihatan semakin kabur
- Sukar membaca kerana penglihatan tidak jelas
- Kerap menukar cermin mata kerana penglihatan masih tidak terang
- Selaput putih pada anak mata
- Merasa silau terhadap cahaya

**Berhati-hatilah terhadap tanda-tanda penyakit Katarak.**

Segeralah berjumpa doktor untuk pemeriksaan mata bagi mencegah diri anda dari kehilangan penglihatan.

